



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 8

25hb April 2012

TAMBAHAN No. 47
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 108.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengeccualian) 2012**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2011.

Pengeccualian

2. (1) Apa-apa surat cara bagi perjanjian pinjaman atau pembiayaan di bawah syariah yang boleh dikenakan duti di bawah subbutiran 27(a)(i) Jadual Pertama Akta yang disempurnakan antara Perusahaan Kecil dan Sederhana yang telah mendapat kelulusan untuk insentif di bawah Polisi Laluan Hijau daripada Sekretariat Polisi Laluan Hijau Kementerian Kewangan dengan—

(a) Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad;

(b) Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau

(c) Export-Import Bank of Malaysia Berhad,

dikecualikan daripada duti setem.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), perjanjian pinjaman atau pembiayaan di bawah syariah adalah surat cara yang disempurnakan pada atau selepas 15 Jun 2011 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2014.

(3) Permohonan bagi pengecualian di bawah subperenggan (1) boleh dibuat sekali sahaja.

Dibuat 17 April 2012

[Perb. 0.3865/432; PN(PU²)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) Order 2012**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 15 June 2011.

Exemption

2. (1) Any instrument of loan agreement or financing under the syariah chargeable under subitem 27(a)(i) of the First Schedule to the Act executed between a Small and Medium Enterprise which has been approved for an incentive under the Green Lane Policy by the Secretariat for Green Lane Policy of the Ministry of Finance and—

(a) Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad;

(b) Bank Pembangunan Malaysia Berhad; or

(c) Export-Import Bank of Malaysia Berhad,

is exempted from stamp duty.

(2) For the purpose of subparagraph (1), the loan agreement or financing under the syariah shall be an instrument executed on or after 15 June 2011 but not later than 31 December 2014.

(3) The application for exemption under subparagraph (1) may only be made once.

Made 17 April 2012
[Perb. 0.3865/432; PN(PU²)159/XXXVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Finance Minister

P.U. (A) 109.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN UNTUK MENDAPATKAN PENSIJILAN 1-INNOCERT) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan untuk Mendapatkan Pensijilan 1-InnoCERT) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2010.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“SIRIM Berhad” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia menurut Akta Syarikat 1965 (No. syarikat: 367474-V);

“Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia” ertinya suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia 1995 [*Akta 539*];

“Pensijilan 1-InnoCERT” ertinya Pensijilan 1-Inovasi bagi Penarafan Enterpris dan Transformasi yang dikeluarkan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia kepada orang yang layak yang telah diberi penarafan AAA, AA atau A oleh SIRIM Berhad.

Pemakaian

3. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada orang yang layak yang membuat permohonan untuk mendapatkan suatu Pensijilan 1-InnoCERT tidak lewat dari 31 Disember 2014 yang baginya orang yang layak itu diberi Pensijilan 1-InnoCERT yang pertama.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, orang yang layak adalah—

(a) seseorang dalam industri perkilangan, industri perkhidmatan berkaitan perkilangan dan industri berasaskan pertanian yang bermastautin di Malaysia, yang pada akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu—

(i) mempunyai tidak kurang daripada lima dan tidak lebih daripada seratus lima puluh orang pekerja sepenuh masa; atau

(ii) telah mencapai jualan tahunan tidak kurang dari dua ratus lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh lima juta ringgit; atau

(b) seseorang dalam industri perkhidmatan, industri pertanian utama, teknologi maklumat dan komunikasi yang bermastautin di Malaysia, yang pada akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu—

(i) mempunyai tidak kurang daripada lima dan tidak lebih daripada lima puluh orang pekerja sepenuh masa; atau

(ii) telah mencapai jualan tahunan tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima juta ringgit.

Potongan

4. (1) Bagi menentukan pendapatan larasan orang yang layak bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan suatu amaun bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan oleh orang yang layak itu untuk mendapatkan suatu Pensijilan 1-InnoCERT yang pertama baginya daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), perbelanjaan yang dilakukan—

(a) hendaklah merupakan perbelanjaan langsung yang dilakukan bagi permohonan yang orang yang layak itu telah diberi Pensijilan 1-InnoCERT; dan

(b) hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang dalamnya Pensijilan 1-InnoCERT telah diberi kepada orang yang layak itu.

(3) Perbelanjaan disebut di dalam Kaedah-Kaedah ini adalah seperti yang berikut:

(a) yuran pensijilan sebanyak lima ribu ringgit; dan

- (b) perbelanjaan yang dilakukan oleh juruaudit SIRIM Berhad yang terdiri daripada—
- (i) kos perjalanan pergi dan balik dari pejabat ke premis orang yang layak itu termasuklah—
 - (A) perbatuan, tol dan bayaran letak kereta; atau
 - (B) dalam kes perjalanan melalui udara, kos perjalanan kelas ekonomi dan tuntutan penukaran penerbangan;
 - (ii) kos penginapan dalam bilik standard atau elaun lojing; dan
 - (iii) elaun makan.

Dibuat 17 April 2012

[Perb. 0.3865/432(39)(2011); LHDN 01/35/(S)/42/51/259-20;
PN(PU²)80/LXIV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE TO OBTAIN THE 1-INNOCERT CERTIFICATION) RULES 2012

In exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure to Obtain The 1-InnoCERT Certification) Rules 2012**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation from the year of assessment 2010.

Interpretation

3. In these Rules—

“SIRIM Berhad” means a company incorporated in Malaysia pursuant to the Companies Act 1965 (Company No. 367474);

“Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia” means a body corporate established under section 3 of the Small and Medium Enterprises Corporation Act 1995 [Act 539];

“1-InnoCERT Certification” means a 1-Innovation Certification for Enterprise Rating & Transformation issued by Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia to a qualified person who has been rated AAA, AA or A by SIRIM Berhad.

Application

3. (1) These Rules shall apply to a qualified person who makes an application to obtain an 1-InnoCERT Certification not later than 31 December 2014 for which he is granted a first 1-InnoCERT Certification.

(2) For the purposes of these Rules, a “qualified person” shall be—

- (a) a person in the manufacturing industry, manufacturing related services industry and agro-based industry and resident in Malaysia, which at the end of the basis period for a year of assessment—
 - (i) has not less than five and not more than one hundred and fifty full-time employees; or
 - (ii) has achieved annual sales of not less than two hundred and fifty thousand ringgit and not more than twenty-five million ringgit; or
- (b) a person in the services industry, primary agriculture, information and communication technology industry and resident in Malaysia, which at the end of the basis period for a year of assessment—
 - (i) has not less than five and not more than fifty full-time employees; or
 - (ii) has achieved annual sales of not less than two hundred thousand ringgit and not more than five million ringgit.

Deduction

4. (1) In ascertaining the adjusted income of a qualified person from its business for the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as deduction an amount equivalent to the expenses incurred by that qualified person in obtaining the first 1-InnoCERT Certification from Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia.

(2) For the purpose of subrule (1), the expenses incurred—

- (a) shall be expenditure directly incurred for the application for which the qualified person has been granted the 1-InnoCERT Certification; and
- (b) shall be deemed to be incurred in the basis period for the year of assessment in which the 1-InnoCERT Certification is granted to the qualified person.

- (3) The expenditure referred to in these Rules shall be the following:
- (a) a certification fee of five thousand ringgit; and
 - (b) expenses incurred by SIRIM Berhad's auditors which consist of—
 - (i) cost of travelling to and from their office to the qualified person's premises including—
 - (A) mileage, toll and parking fee; or
 - (B) in the case of travel by air, the cost of economy air fare and airport transfer claim;
 - (ii) accommodation cost in a standard room or lodging allowance; and
 - (iii) meal allowance.

Made 17 April 2012

[Perb. 0.3865/432(39)(2011); LHDN 01/35/(S)/42/51/259-20;
PN(PU²)80/LXIV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Second Finance Minister

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154 (2) of the
Income Tax Act 1967]*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA